

Jamrah Sibin
jamstjc@gmail.com

Jeswenny Fresshila John
jazzfrezz@yahoo.com

1. TAJUK INOVASI

RODA KERAJINAN (Pendidikan Moral)
(Penyertaan Kategori Pelajar Guru)

2. OBJEKTIF

- a. Menghasilkan alat bantu mengajar yang dapat menimbulkan minat murid terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Moral.
- b. Meningkatkan pengetahuan murid tentang nilai kerajinan sebagai kunci kejayaan dalam kehidupan.
- c. Mendedahkan murid tentang pandangan pelbagai agama tentang nilai kerajinan.
- d. Mengaitkan nilai kerajinan dengan peribahasa-peribahasa Melayu.

3. KEDUDUKAN SEBELUM INOVASI DILAKSANAKAN

Pada semester kedua berada di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang pada tahun 2016 ini, kami seramai 9 orang daripada guru pelatih Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Pendidikan Jasmani (PJ) dan seorang dari PPISMP Bahasa Melayu (BM) secara rasminya telah mengambil kursus Pendidikan Moral. Pada mulanya, kami tidak terfikir sedikit pun untuk membuat inovasi dalam proses PdP untuk murid-murid di sekolah rendah. Namun, kerja kursus Pendidikan Moral telah memberikan peluang kepada kami untuk melaksanakan inovasi PdP berdasarkan nilai-nilai dalam Pendidikan Moral. Kerja kursus ini justeru membuatkan kami untuk mencari idea, merancang dan melakukan satu inovasi yang dapat memudahkan proses PdP Pendidikan Moral semasa di sekolah.

Sebelum melakukan inovasi ini, berdasarkan pengalaman yang telah kami alami semasa di sekolah menengah dahulu, pelajar tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian semasa guru mengajar disebabkan pelajar mengantuk dan gaya pengajaran yang kurang menyeronokan. Oleh itu, timbul satu idea untuk membuat inovasi seperti mana yang dikehendaki dalam tugas kursus Pendidikan

Moral bagi mengatasi masalah tersebut agar pelajar dapat memahami PdP dalam bilik darjah sepenuhnya.

4. MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI

Cetusan idea inovasi yang telah kami laksanakan adalah disebabkan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sama di dalam bilik darjah iaitu menggunakan buku teks sahaja yang membuatkan pelajar mengantuk dan proses PdP agak membosankan. Ini adalah masalah yang sering di hadapi oleh para pelajar pada masa dulu sehingga kini. Oleh itu, kami telah membuat satu inovasi di mana ianya mampu membuatkan pelajar menerima pelajaran dengan mudah dan mengelakkan kebosanan semasa berada di dalam kelas. Aktiviti yang dilaksanakan ini sangat menyeronokkan dan menjadikan proses PdP berjalan dengan lancar.

5. INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

5.1 INOVASI PENDEKATAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN

Inovasi yang telah dilaksanakan adalah hasil daripada Inovasi Roda Pintar untuk PdP Bahasa Melayu oleh Joana Chua Pei Shan, Stella Tang Wen Ping dan Tiong Pau Yi. Berpandukan inovasi ini, kami telah melakukan penambahbaikan dalam inovasi tersebut dan melaksanakan Inovasi Roda Kerajinan mengikut kesesuaian subjek Pendidikan Moral. Roda ini menerangkan nilai kerajinan dengan cara yang santai dan lebih menyeronokkan.

Roda ini lengkap untuk digunakan dalam proses PdP Pendidikan Moral. Definisi nilai kerajinan pada roda ini adalah berdasarkan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral. Selain itu, roda ini juga mengandungi peribahasa yang berkaitan dengan nilai kerajinan dan pandangan pelbagai agama tentang nilai kerajinan. Justeru, kandungan pada roda ini sesuai digunakan sebagai satu medium pengajaran di dalam kelas.

5.2 DESKRIPSI INOVASI

Kami telah menjalankan inovasi pembelajaran dan pengajaran bagi tujuan memudahkan pelajar menerima isi pelajaran dan mengelakkan kebosanan pelajar semasa proses PdP di dalam kelas. **Kos perbelanjaan** untuk membuat inovasi ini ialah RM10.50

untuk *polystyrene board*, RM0.89 untuk *thumbtack* dan RM3.80 untuk *sticker*. Jumlah keseluruhan kos perbelanjaan ialah RM15.19. Kertas warna pula didapati secara percuma dari pejabat lama Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan (PJK) di Gimnasium Ballang Lasung. Dua buah kotak pula merupakan kotak lama yang diguna semula untuk inovasi Roda Kerajinan ini. Inovasi ini terdiri daripada 8 sektor roda. Setiap sektor mempunyai nota-nota berkaitan nilai kerajinan seperti definisi, peribahasa berkaitan dengan nilai dan pandangan pelbagai agama tentang nilai kerajinan.



Rajah 1. Roda Kerajinan

5.3 STRATEGI PENGGUNAAN INOVASI “RODA KERAJINAN”

Bagi memulakan penggunaan roda ini, pelajar akan memusingkan roda tersebut sehingga roda berhenti pada petunjuk anak panah pada roda tersebut. Kemudian, pelajar dikehendaki menjawab soalan mengikut nombor yang telah dinyatakan pada roda. Bagi pelajar yang gagal menjawab soalan, mereka harus mencabut denda pada kotak yang telah disediakan untuk menjadikan PdP bertambah seronok. Pelajar juga akan membacakan nota-nota pada sektor roda mengikut kedudukan petunjuk anak panah berhenti. Setiap pelajar akan memusingkan roda tersebut mengikut giliran.



Rajah 2. Guru Pelatih Menggunakan Roda Kerajinan



Rajah 3. Guru Pelatih Menggunakan Roda Kerajinan

5.4 KEADAAN SELEPAS INOVASI

Melalui pemerhatian dan soal selidik setelah inovasi dijalankan bersama dengan rakan-rakan yang mengambil kursus Pendidikan Moral, kami mendapati mereka lebih bersemangat untuk belajar. Suasana semasa inovasi dijalankan amatlah aktif. Berikut merupakan respons beberapa rakan yang mengambil kursus Pendidikan Moral :

Soalan 1: Apakah yang anda dapati semasa menggunakan Roda Kerajinan?

- Rakan 1: Nilai kerajinan dapat dipelajari secara menyeluruh dalam keadaan yang santai dan menyenangkan.
- Rakan 2: Selain daripada mempelajari nilai kerajinan itu sendiri, saya dapat mengetahui peribahasa berkaitan dengan nilai kerajinan dan pandangan pelbagai agama tentang nilai kerajinan.
- Soalan 2: Bagaimana perasaan anda semasa menggunakan Roda Kerajinan?
- Rakan 3: Semangat untuk menjawab soalan dengan betul menyebabkan rasa mengantuk saya kurang.

5.5 PERKONGSIAN INOVASI

Inovasi ini telah dikongsi dengan guru pelatih yang mengambil kursus Pendidikan Moral pada semester ini. Selain itu, kami juga telah berkongsi dengan rakan-rakan guru pelatih yang lain daripada PPISMP PJ, BM dan Pendidikan Agama (PA) Jun 2015 supaya mereka juga boleh cuba menggunakan kaedah tersebut dalam pengajaran semasa praktikum nanti. Hal ini secara tidak langsung dapat mendedahkan kepada mereka satu kemahiran baru dalam melakukan PdP.

Setelah membuat perkongsian inovasi ini dengan guru pelatih PPISMP yang lain, mereka menyatakan bahawa inovasi yang telah kami lakukan ini adalah amat menyeronokkan dan agak mencabar. Oleh itu, dengan sedikit perkongsian ilmu ini kami yakin bahawa ianya pasti dapat memberikan kesan yang positif dalam kalangan pelajar sekolah rendah yang lebih gemar akan aktiviti yang bersifat permainan.



Rajah 4. Perkongsian Inovasi Dengan Guru Pelatih



Rajah 5. Perkongsian Inovasi Dengan Guru Pelatih

6. FAEDAH-FAEDAH DARIPADA INOVASI YANG TELAH DILAKSANAKAN

Inovasi ini jelas membawa kebaikan kepada murid-murid dan guru itu sendiri. Selain daripada mengelakkan pelajar daripada mengantuk semasa dalam kelas, kandungan dalam inovasi "Roda Kerajinan" memudahkan murid untuk memahami dan menghayati nilai kerajinan. Pandangan pelbagai agama tentang nilai kerajinan juga dapat meningkatkan pemahaman tentang agama lain kepada murid-murid yang berbilang agama. Unsur-unsur Bahasa Melayu seperti peribahasa yang ada pada roda juga secara tidak langsung menambahkan pengetahuan murid tentang peribahasa-peribahasa Melayu. Justeru, pembelajaran yang merentasi subjek-subjek sesuai dilaksanakan dengan pada abad ke-2.

Tambahan pula, inovasi ini membolehkan semua pelajar belajar secara aktif dengan soalan-soalan yang diberikan. Justeru, inovasi ini mudah dibawa oleh para guru ke dalam kelas dan boleh digunakan untuk membuat aktiviti semasa proses PdP seperti membuat kuiz ataupun soalan-soalan dalam semua topik yang diajar dalam kelas dan ianya mengikut kreativiti guru yang sedang mengajar. Di samping itu, inovasi ini memerlukan kos yang rendah dan mesra pengguna.

Rujukan

- Brian Adams. (2014, September 26). Kepentingan Nilai Kerjasama. Diakses pada 2016, 15 Mac dari <http://www.scribd.com/doc/241022906/Kepentingan-Nilai-Kerajinan#scribd>
- Joana, P., S. (2015, Disember 14). Pembentangan Inovasi. Diakses pada 2016, 13 Mac dari <http://dokumen.tips/documents/pembentangan-inovasi.html>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Pendidikan Moral KSSR Tahun 6*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Majorie Paul. (2016, Februari 22). Nilai Kerajinan. Diakses pada 2016, 15 Mac dari <https://prezi.com/j9kugkuobesu/nilai-kerajinan/>
- Mohd Richard Neles Abdullah (2015). Kit HB&K (Hubungan Baik dan Kerjasama). *Koleksi Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran Tahun 2015 IPGK BL*, 20-32.
- Nur Munirah Teoh Abdullah, Vishalache Balakrishnan & Asmah Ahmad. (2008). *Pendidikan Moral Tahun 6*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.